



TERMA RUJUKAN DAN PELAKSANAAN SKIM INSURANS BERKELOMPOK DAN TABUNG KEBAJIKAN STAF

**UNIVERSITI PENDIDIKAN
SULTAN IDRIS**



TERMA RUJUKAN (TOR) DAN PELAKSANAAN SKIM INSURANS BERKELOMPOK DAN TABUNG KEBAJIKAN STAF

1. LATAR BELAKANG

- 1.1. Skim Insurans Berkelompok dan Tabung Kebajikan Staf telah ditubuhkan pada tahun 2016, melalui kelulusan dalam Mesyuarat Pengurusan Eksekutif (MPE) Bil. 9/2016 yang telah bersidang pada 16 Mac 2016.
- 1.2. Kutipan tabung ini dilaksanakan melalui potongan gaji staf sebanyak RM5.00/sebulan mengikut tempoh polisi insurans bermula 28 April tahun semasa sehingga 27 April tahun seterusnya.
- 1.3. Skop perlindungan yang ditawarkan melalui caruman ini merangkumi perlindungan di bawah Skim Insurans Berkelompok dan Tabung Kebajikan Staf.

2. OBJEKTIF

- 2.1. Meringankan kesulitan yang dipikul oleh staf menerusi pemberian sumbangan atau bantuan kepada staf yang mengalami kematian, kemalangan, bencana alam dan menerima rawatan di wad hospital.
- 2.2. Memastikan kebajikan staf sentiasa menjadi keutamaan di universiti, selaras dengan nilai bitara UPSI, Prihatin Kebajikan Staf.

3. TADBIR URUS TABUNG KEBAJIKAN STAF

3.1. Senarai Pemegang Amanah

- 3.1.1. Pentadbir bagi Akaun Amanah Tabung Kebajikan diuruskan oleh **Bahagian Sumber Manusia** yang terdiri daripada pemegang-pemegang amanah berikut:-

Pengerusi	Ketua, Bahagian Sumber Manusia
Setiausaha	Ketua, Unit pentadbiran dan Kewangan, Bahagian Sumber Manusia
Bendahari	Ketua, Unit Kebajikan Staf, Bahagian Sumber Manusia
Fungsi	Menetapkan dasar dan kadar sumbangan / bantuan di bawah Tabung Kebajikan Staf.

3.2. Pengurusan Akaun Amanah

Kutipan caruman staf sebanyak RM5.00/sebulan bagi Skim Insurans Berkelompok dan Tabung Kebajikan Staf akan disalurkan terus ke Akaun Amanah Tabung Kebajikan Staf.

4. KATEGORI SUMBANGAN DI BAWAH SKIM INSURANS BERKELOMPOK DAN TABUNG KEBAJIKAN STAF

4.1. SUMBANGAN DI BAWAH SKIM INSURANS BERKELOMPOK

4.1.1. Bantuan disalurkan melalui **kaedah pampasan dengan syarikat panel** insurans seperti berikut:-

4.1.2. Jenis sumbangan, kadar serta kaedah pemberian adalah seperti berikut:-

Bil.	Jenis Sumbangan	Kadar Sumbangan	Kaedah Pemberian
1.	Kematian (Biasa)	RM10,000.00	Penyerahan sumbangan daripada Pengurusan Universiti kepada staf/waris staf, setelah pampasan diterima daripada Syarikat Panel Insurans.
2.	Kematian (Kemalangan)	RM10,000.00	
3.	Keilatan Kekal (Kemalangan)	RM 20,000.00	
4.	Belanja Perubatan (Kemalangan)	RM1,000.00	
5.	Belanja Pengebumian (Kemalangan)	RM2,000.00	

4.2. SUMBANGAN DI BAWAH TABUNG KEBAJIKAN STAF

4.2.1. Bantuan disalurkan melalui **kaedah tuntutan kepada Bahagian Sumber Manusia**.

4.2.2. Jenis sumbangan, kadar serta kaedah pemberian adalah seperti berikut:-

Bil.	Jenis Sumbangan	Kadar Sumbangan	Kaedah Pemberian
1.	Kematian Pasangan / Anak	RM1,000.00	Penyerahan sumbangan ini adalah melalui tuntutan daripada staf kepada Bahagian Sumber Manusia, dan sumbangan akan dikreditkan terus ke akaun gaji staf.
2.	Kematian Ibu / Bapa	RM500.00	
3.	Elaun Wad Kemasukan ke Hospital	RM 20.00/hari	
4.	Musibah / Bencana Alam	RM200.00	

4.2.3. **Syarat-syarat khusus sumbangan:-**

4.2.3.1. **Kematian Pasangan / Anak**

- **Pasangan:** Suami atau mana-mana Isteri yang didaftarkan dalam sistem UPSI.
- **Anak:** Anak kandung/tiri/angkat yang didaftarkan dalam sistem UPSI.
- Tuntutan hendaklah dibuat dalam tempoh tiga (3) bulan dari tarikh kematian ahli keluarga.

4.2.3.2. **Kematian Ibu / Bapa**

- **Ibu / Bapa:** Ibu atau bapa kandung/tiri yang didaftarkan dalam Sistem UPSI
- Tuntutan hendaklah dibuat dalam tempoh tiga (3) bulan dari tarikh kematian ahli keluarga.

4.2.3.3. **Elaun Wad Kemasukan ke Hospital**

- Elaun wad dibenarkan bagi sebarang penyakit (kecuali bersalin)
- Jumlah maksimum tuntutan setahun adalah sebanyak **14 hari** sahaja.
- **Kategori Hospital:** Hospital Kerajaan / Hospital Swasta
- Tuntutan hendaklah dibuat dalam tempoh tiga (3) bulan dari tarikh kematian ahli keluarga.

4.2.3.4. **Musibah / Bencana Alam**

- Musibah / Bencana Alam terdiri daripada Bencana Alam, Kebakaran, Kecurian, Ragut dan lain-lain musibah yang difikirkan munasabah oleh Ketua Bahagian Sumber Manusia.
- Tuntutan hendaklah dibuat dalam tempoh tiga (3) bulan dari tarikh kematian ahli keluarga.

5. KELULUSAN BERKAITAN DENGAN TABUNG UPSI PRIHATIN

Bil	Kelulusan	Perkara
1.	Mesyuarat Pengurusan Eksekutif (MPE) Bil. 9/2016 yang telah bersidang pada 16 Mac 2016	Cadangan Kelulusan Penubuhan Skim Insurans Berkelompok dan Tabung Kebajikan Staf
2.	Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Universiti Bil. 8/2021 yang telah bersidang pada 28 April 2021	Cadangan Kelulusan Pindaan Terma Rujukan Skim Insurans Berkelompok dan Tabung Kebajikan Staf
3.	Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Universiti Bil. 6/2025 yang telah bersidang pada 14 April 2025	Cadangan Kelulusan Pindaan Skop Sumbangan dalam Skim Takaful Berkelompok dan Tabung Kebajikan Staf (Pengeluaran Skop Sumbangan Hamper bagi Kemasukan ke Hospital)